

Nama Kolum: Perbendaharaan Rahsia Raja (12)

Nama Pena: Bonda Tun

Tarikh: 18/11/16

Bismillahirrahmanirrahim

Dalam artikel kali ini kita akan mengambil ilmu dari perbendaharaan sebuah manuskrip Melayu lama yang terkenal, iaitu *Taj al-Salatin*, disebut sebagai karya sastra Melayu pertama yang membicarakan persoalan etika, politik dan pemerintahan. Manuskrip ini juga disebut sebagai kitab yang bercorak tasawuf sunni, diambil dari ajaran tokoh ulama dunia yang tersohor iaitu Imam al-Ghazali.

Kitab *Taj al-Salatin* ini ditulis oleh Bukhari al-Jauhari dan dipersembahkan hasil penulisan tersebut kepada Sultan Alauddin Riayat Syah Aceh sekitar tahun 1603 M. Kitab ini merupakan suatu hadiah, atau sumbangan yang sangat tinggi nilainya daripada seorang pemikir dan cendekiawan kepada umara, atau raja yang memerintah kerajaan Aceh Darussalam yang berdaulat besar pada waktu itu.

Antara bahagian menarik dalam kitab ini adalah perbincangan tentang konsep keadilan sebagai tema sentral bagi kitab *Taj al-Salatin* itu. Bukhari al-Jauhari memetik ayat Quran seperti berikut:.

“Inna`l-Lahu ya`muru bi`l-`adl wa`l-ihsan” (an-Nahl: 90)

Maksudnya: *“Sesungguhnya Allah memerintahkan berbuat adil dan ihsan”*.

Ulama mentafsirkan kalimat adil di atas sebagai ‘benar dalam perbuatan dan perkataan, sedangkan ihsan ialah kebajikan dalam berbuat, bekerja dan berkata-kata’. Dalam lain perkataan, adil menunjukkan sikap yang benar terhadap Tuhan, diri sendiri, manusia lain serta dunia. Pengertian ini harus ditempatkan dalam konteks bahawa manusia itu adalah khalifah Allah di muka bumi ini, sekaligus hambaNya, maka segala urusan pemerintahan bukanlah semata-mata atas tujuan fizikal dan materi sahaja tetapi juga perlu berciri spiritual.

Dalam kitab *Taj al-Salatin*, pengarang memetik sabdaan Rasulullah ﷺ seperti berikut: *“Terbaik pekerjaan kerajaan itu: akan segala orang yang dapat mengerjakannya dan tahu perintah pekerjaan itu dan sangat jahat pekerjaan itu akan segala orang yang tiada dapat mengerjakannya dengan benar..”*

Rasulullah ﷺ juga bersabda bahawa adil itu tanda kemuliaan agama, sumber kekuatan seorang raja dan pangkal kebajikan insan. Maka apabila ciri adil dan ihsan wujud *“pada manusia maka baik adanya, dan bila ada keduanya pada raja lebih baik lagi”*. Baginda ﷺ juga bersabda bahawa *“Raja yang tidak mencintai rakyatnya akan terhalang memasuki pintu syurga dan mengalami kesukaran untuk meraih rahmat Allah”*

Bukhari al-Jauhari juga merujuk kepada kitab *Adab al-Umar*, yang menyatakan bahawa raja yang adil tidak akan pernah mahu membesarkan dirinya, kerana orang yang suka membesarkan diri akan dimurkai Tuhan dan kesombongannya akan membuat akal

fikirannya tidak berkembang, sehingga tidak mampu untuk membezakan diantara yang baik dan buruk, benar dan salah.

Beliau juga menambah bahawa, *“Hendaklah raja yang menjunjung keadilan dan hukum itu lemah lembut perkataannya, manis mukanya, namun keras hukumannya kepada orang jahat dan perbuatan jahat”*.

Dalam kitab *Taj al-Salatin* ini, pengarangnya merumuskan seluruh pembahasannya perihal raja yang adil dan ihsan. Antara lain beliau menyebut cirinya seperti berikut:

Pertama, tidak menyombongkan diri serta memudah-mudahkan persoalan yang dihadapi rakyat;

Kedua, jangan mendengar laporan atau pendapat dari satu golongan atau pihak, sedangkan dalam masyarakat ada banyak golongan dan pihak yang mesti didengari;

Ketiga, tidak mudah memurkai atau menghukum orang, golongan atau kaum tertentu tanpa alasan yang mendasar dan bukti yang kuat;

Keempat, melindungi semua golongan, kaum, umat dan lapisan rakyat dengan sikap kasih dan sayang, serta menjauhkan diri dari sikap diskriminatif;

Kelima, jangan menghendaki isteri bawahan atau rakyatnya;

Keenam, banyak berdialog dengan para ulama, cendekiawan, sarjana, ilmuwan, budayawan dan ahli makrifat, serta pemimpin masyarakat yang berwibawa, serta mengurangi bertemu dengan orang bebal, tamak dan jahat;

Ketujuh, hormat pada orang yang sudah tua dan santun terhadap fakir miskin;

Kelapan, memenuhi janjinya kepada rakyat yang mendukungnya;

Kesembilan, tidak merendahkan hukum agama, bahkan ikut berusaha menegakkannya;

Kesepuluh, memberi hukuman yang adil pada orang jahat dan memuji orang yang berbuat baik, serta memelihara jangan sampai rakyat sakit hati oleh sebarang tindakannya;

Kesebelas, bersikap lemah lembut dalam menjalankan hukum dan perintah;

Kedua belas, memelihara diri dari segala aib dan dosa;

Ketiga belas, raja harus menjadi suri tauladan dalam segala perbuatan dan perkataan, sebab apa yang dilakukan oleh seorang raja pasti akan ditiru oleh rakyat. Maka jika raja senang berbuat jahat, rakyat pun cenderung akan meniru melakukan perbuatan jahat;

Keempat belas, banyak bersedekah;

Kelima belas, menghargai faqir yang solih dan berilmu, sebab dengan jalan demikian ia akan menerangi dunia, dibanding hanya bersahabat dengan orang kaya tetapi tidak berpengetahuan;

Keenam belas, ingat akan maut;

Ketujuh belas, memperbanyak jalan raya atau infrastruktur;

Kelapan belas giat meningkatkan perdagangan dan ekonomi rakyat;

Kesembilan belas, banyak membangun rumah ibadah, sarana khalayak seperti rumah sakit, madrasah dan rumah yatim piatu;

Kedua puluh, tidak tinggal diam apabila melihat kejahatan mulai bermaharajalela di tengah rakyat .

Pengarang juga ada menyentuh tentang keadaan raja yang zalim, diumpamakan sebagai awan mendung tebal yang membuat bumi menjadi gelap gelita. Raja yang demikian berbeza antara perkataan dan perbuatannya, selalu menuruti hawa nafsunya, tidak ingat perintah dan larangan Tuhan serta sunnah Rasul-Nya, melupakan rakyatnya

dan hanya mengingatkan dirinya sahaja, serta alpa melaksanakan tugas besar yang diamanahkan kepadanya sebagai seorang raja. Maka dia menjadi bayang-bayang Iblis dan khalifah syaitan, musuh Tuhan dan Nabi.. Tentang raja yang demikian, Bukhari al-Jauhari merujuk kepada Hadith Nabi ﷺ : *"Barang siapa daripada raja-raja yang tiada kasihan pada rakyat itu diharamkan Allah Ta'ala atas syurga"*.

Wallahu 'alam bissawab